

Pemuda UMNO cabar AS, UK berdebat

MELAKA 5 Ogos - Pergerakan Pemuda UMNO telah menghantar surat kepada Kedutaan Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) untuk mencabar kedua-duanya berdebat secara terbuka berhubung sikap mereka yang membenarkan Israel menyerang Lebanon,

Pengerusi Biro Antarabangnya, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, surat berkenaan dihantar pada Rabu lepas dan telah diterima oleh kedua-dua kedutaan tersebut di Kuala Lumpur.

"Dalam surat itu kami mencabar AS dan UK untuk berdebat secara terbuka bagi menjelaskan pendirian mereka terhadap tindakan biadap Israel yang menyerang Lebanon,

"Kita telah beri mereka tempoh selama tujuh hari untuk menjawab surat tersebut, " katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Masjid Tanah di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Masjid Tanah, Rozamri Rokambol.

Menurut Mukhriz, pihaknya masih tidak mendapat sebarang jawapan daripada kedua-dua kedutaan tersebut berhubung perkara tersebut tetapi akan menghubungi mereka Isnin ini bagi mendapatkan maklum balas.

"Kami sudah bersedia untuk melakukannya (berdebat), malah ramai yang tidak sabar bersemuka dengan mereka. AS dan UK boleh menghantar pemidato terbaik mereka, kami juga sudah sedia dengan fakta dan hujah," tegasnya.

Beliau berkata, meskipun ahli-ahli pergerakan Pemuda kini penuh emosi kerana terlalu marah dengan tindakan ganas Israel, beliau yakin pada hari tersebut, mereka boleh berdebat dengan baik.

Mukhriz menjelaskan, sekiranya AS dan UK enggan menyahut cabaran debat tersebut, ia membuktikan bahawa mereka sudah mengaku salah terhadap tindakan kerajaan masing-masing.

Dalam pada itu beliau berkata, menerusi debat tersebut, pihaknya berharap agar dapat menyampaikan mesej bahawa hanya AS, UK dan Isreal yang bersetuju untuk menyerang Lebanon dan Palestin, sedangkan masyarakat dunia yang lain menentang tindakan zalim itu.

"Saban hari kami menerima e-mel daripada rakan-rakan pergerakan keamanan di seluruh dunia yang mahu membantu dan menyertai gerakan membantah kekejaman Israel serta sikap berat sebelah AS dan UK," kata beliau.